

**SOALAN NO. : 26**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
**[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**SOALAN :**

Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan kualiti udara di seluruh negara sentiasa dipelihara pada tahap yang sihat iaitu di antara 0 hingga 50 dalam bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) .

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi memastikan kualiti udara di seluruh negara sentiasa dipelihara pada tahap yang baik , Kerajaan melaksanakan Pelan Perancangan Strategik dan Pelan Tindakan Udara Bersih yang telah menggariskan hala tuju kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam pengurusan kualiti udara dan langkah-langkah penyelesaian jangka masa pendek, sederhana dan panjang dalam menangani masalah pencemaran udara.

Beberapa strategi dan pelan tindakan telah dirumus secara komprehensif, holistik dan inter-sektoral dalam Pelan Tindakan Udara Bersih ini ke arah mempertingkatkan kualiti udara bagi kesejahteraan hidup rakyat. Setiap strategi dirumus dengan berorientasikan pendekatan dari aspek perancangan, penggunaan sains dan teknologi, instrumen ekonomi, kawalan perundangan dan pembangunan keupayaan modal insan.

Strategi-strategi yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Udara Bersih adalah:-

- (a) Mengurangkan pencemaran udara dari kenderaan bermotor;
- (b) Mengurangkan pencemaran udara dari aktiviti perindustrian;

- (c) Menangani masalah jerebu yang berpunca dari kebakaran tanah dan hutan serta aktiviti pembakaran terbuka;
- (d) Meningkatkan pembangunan modal insan dan pembangunan keupayaan; dan
- (e) Memperkasakan program-program pendidikan dan kesedaran kepada orang awam serta mempertingkatkan penyertaan mereka dalam pengurusan kualiti udara yang lestari.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh: Puan Hj Kalsom Abd. Ghani

Jawatan : Pengarah Udara

Telefon bimbit : 0193226802

Disemak oleh : Dr Zulkifli Abdul Rahman

Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Telefon bimbit: 0193827137

Diluluskan oleh: Dato' Halimah Hassan

Jawatan : Ketua Pengarah Alam Sekitar

Telefon bimbit : 0192107900